

Jika berlaku pertandingan Timbalan Presiden

Saya berkecuali

Oleh BAHAROM MAHMOUD
M.M. - 8 AUG 1993

KUALA LUMPUR 7 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, beliau akan berkecuali daripada menyokong mana-mana calon jika berlaku pertandingan" bagi merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO dalam perhimpunan agung parti itu November depan.

Dr. Mahathir berkata: "Pada pendapat saya sepatutnya tidak ada pertandingan (jawatan Timbalan Presiden UMNO), tetapi jika ada juga pertandingan saya tidak boleh menyokong mana-mana pihak."

Perdana Menteri menegaskan, beliau terpaksa mengambil pendirian berkecuali demi menjamin paduan dalam parti terus kukuh.

"Saya tidak boleh menyokong mana-mana pemimpin kerana (sebagai Presiden) saya sepatutnya *neutral* (berkecuali).

"Ini kerana kalau ada pertandingan, saya kemudian terpaksa mencantumkan balik (parti) selepas pertandingan selesai.

Menerima nasihat

"Kalausaya memihak kepada pihak tertentu ia akan menyebabkan pihak yang saya tidak sokong tidak sanggup menerima, nasihat saya kelak," katanya selepas merasmikan perhimpunan agung MIC yang ke-40 di sini pagi ini.

Perdana Menteri berkata demikian sebagai menjawab pertanyaan pemberita yang meminta beliau menyatakan pendiriannya berhubung isu pertandingan jawatan Timbalan Presiden UMNO dalam perhimpunan agung parti itu November ini.

Dr. Mahathir turut ditanya adakah perlu satu bentuk kompromi diwujudkan jika berlaku pertandingan jawatan Timbalan Presiden UMNO.

Beliau menjawab: "Kita tidak ada apa-apa masalah, jadi apa perlunya kompromi. Saya tidak fikir mengapa orang harus *excited* sangat."

Perdana Menteri berkata, apa yang wujud sekarang hanya satu konflik sama ada ahli-ahli UMNO ingin mematuhi perlembagaan parti yang membenarkan mana-mana jawatan dipertandingkan ataupun mahu menurut tradisi parti.

Dr. Mahathir menjelaskan, tradisi parti yang beliau maksudkan ialah sesuatu jawatan itu tidak akan dipertandingkan selagi ia mempunyai penyandang (*incumbent*).

— DR. M
UMNO